

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1 JLD 2 (51)

07 OKTOBER 2018

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 6/2018**

**PENGENDALIAN KULIAH/ KELAS SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-8 TAHUN 2018  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Istiadat Konvokesyen Kali ke-8 Tahun 2018** Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan diadakan pada **13 sehingga 17 Oktober 2018** bertempat di **Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota**.
3. Bagi menjayakan istiadat tersebut, beberapa ruang di UMK Kampus Kota digunakan sepanjang istiadat tersebut berlangsung seperti berikut;


No.	BLOK B	BLOK K
1.	B 101 B	K 101 D
2.	B 102 B	K 103 D
3.	B 101 D	K 104 D
4.	B 102 D	K 106 D
5.	B 103 D	K 203 D
6.	B 104 D	
7.	B 105 D	

4. Sehubungan itu, sebarang penggunaan ruang tersebut bagi aktiviti kuliah/ tutorial bermula pada **08 sehingga 18 Oktober 2018** akan dibekukan sebagai persediaan tempat dan penggunaan sepanjang isitadat konvoseyen berlangsung.
5. Oleh yang sedemikian, aktiviti kuliah/ tutorial yang melibatkan ruang tersebut perlu dijalankan di ruang selain ruang tersebut. Sebarang penangguhan kuliah/ tutorial sepanjang tempoh tersebut disebabkan penglibatan pensyarah dan ruang semasa istiadat konvokesyen adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian dan perlu diganti pada waktu lain.
6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k.
- Naib Canselor
  - Semua Timbalan Naib Canselor
  - Pendaftar
  - Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian
  - Pengarah, Pusat Pembangunan Universiti
  - *Floor Manager* Istiadat Konvokesyen
  - Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran Akademik/ Urusetia Istiadat Konvokesyen